

TARIKH : 15 MAC 2023  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 35

### Banci Ekonomi bantu pertingkat saiz perusahaan

# Banci Ekonomi bantu pertingkat saiz perusahaan

**KUALA LUMPUR:** Banci Ekonomi 2023 memainkan peranan penting sebagai landasan untuk kerajaan menggubal dasar dan program yang sesuai seterusnya meningkatkan saiz perusahaan di negara ini.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, kerajaan dalam usaha membina saiz dan skala perusahaan yang lebih baik supaya negara tidak hanya dibanjiri dengan taburan perusahaan mikro yang sangat besar bezanya dengan perusahaan lain.

Ini kerana, menurut beliau, daripada kira-kira 1.2 juta perusahaan di negara ini, perusahaan mikro adalah yang terbesar merangkumi 75.2 peratus, manakala perusahaan kecil (20.5 peratus), sederhana (1.6 peratus) dan besar (2.7 peratus).



RAFIZI RAMLI

“Sekiranya kerajaan tampil dengan susunan langkah ke arah membina syarikat yang lebih berdaya tahan, lebih banyak syarikat boleh mencapai saiz lebih besar misalnya daripada mikro ke kecil, perusahaan kecil ke sederhana dan seterusnya.

“Ini secara tidak langsung

membantu memperbanyak lagi kemunculan perusahaan-perusahaan baharu. Jika tidak, kita akan berhadapan dengan risiko tepu dalam sektor-sektor tertentu,” katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan Banci Ekonomi 2023, di sini semalam.

Beliau menegaskan, apabila kerajaan dapat memperuntukkan jumlah sumber yang tepat dalam membantu perusahaan, sudah tentu banyak syarikat dapat meningkatkan saiz mereka dan ia membolehkan peruntukan gaji yang lebih baik dan membantu rakyat menghadapi kos sara hidup tinggi.

“Jika ekonomi bergerak ke arah gaji progresif namun syarikat di negara ini tidak mempunyai daya tahan dari segi kewangan,” katanya.